



POLISI ANTI RASUAH DAN INTEGRITI PKPP AGRO SDN BHD

PKPP Agro Sdn Bhd (PASB) mengamalkan toleransi sifar terhadap amalan rasuah atau segala aktiviti berunsurkan rasuah dan salah guna kuasa dalam melaksanakan kawal selia serta operasinya.

PASB tidak akan bertolak ansur dan akan bertindak tegas bagi membanteras rasuah atau aktiviti berunsurkan rasuah serta salah guna kuasa bagi memastikan kawal selia yang adil, berkesan dan telus.

PASB komited untuk:-

- a) Mewujudkan budaya integriti dan ketelusan di tempat kerja serta mengadakan program integriti dan anti-rasuah secara berterusan;
- b) Memastikan semua warga PASB, pemegang lesen, ejen yang dilantik dan pembekal adalah bertanggungjawab dalam mematuhi undang-undang anti-rasuah serta peraturan sedia ada;
- c) Menyediakan saluran dan menggalakan pelaporan mengenai aktiviti rasuah serta salah guna kuasa menerusi aduan secara lisan ataupun aduan secara bertulis;
- d) Memberi kerjasama penuh kepada agensi anti-rasuah iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung amalan rasuah di dalam organisasi PASB dan mana mana pihak yang berurusan dengan PASB; dan
- e) Mengambil tindakan selaras dengan undang undang ke atas mana-mana pihak yang didapati melanggar undang-undang anti-rasuah atau tidak mematuhi polisi ini.

Semua warga kerja, kakitangan dan pihak-pihak berkepentingan dengan PASB perlu memahami dan mematuhi polisi ini. Pelanggaran kepada polisi ini membolehkan tindakan undang undang dan / atau tatatertib dikenakan kepada mereka yang terlibat.

PKPP AGRO SDN BHD


.....
(ZAMERI BIN UYOB)
PENGURUS BESAR